

10/10/1997

Hubungan dengan Indonesia kekal

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan tetap mengekalkan hubungan baik dengan Indonesia walaupun menghadapi masalah berikutan jerebu yang meliputi sebahagian besar rantau ini, termasuk Malaysia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kedua-dua negara sentiasa berbincang mengenai cara menyelesaikan masalah jerebu dan dalam perbincangan itu sudah tentu ada pendapat yang berbeza.

Beliau menafikan wujudnya masalah hubungan dua hala di antara Indonesia dan Malaysia atau negara Asean lain berikutan isu jerebu.

"Tidak ada (masalah)... hubungan kita masih baik. Kita ada berbincang bagaimana nak menangani masalah jerebu, kadang-kala wujud pendapat berbeza tetapi ia tidak menjejaskan hubungan negara Asean yang terbabit," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, malam ini.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas kelmarin yang menyebut, keadaan berjerebu yang disebabkan kebakaran hutan di Indonesia, tidak menjejaskan hubungan baik dengan jiran Asean.

Indonesia sebelum ini dikritik kerana dianggap tidak serius dalam melaksanakan usaha memadamkan kebakaran hutan di republik itu, sehingga menyebabkan ada pegawai kanan di beberapa negara jiran menyentuh isu pampasan akibat kerugian dialami.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Setiausaha Agung, Datuk Sabbaruddin Chik; Naib-Naib Presiden Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Tun Razak; Ketua Pemuda Datuk Zahid Hamidi dan Ketua Wanita, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, berkata mesyuarat MT turut memberi penerangan terperinci mengenai keadaan terkini jerebu di negara ini.

"Kita nampak jerebu semakin baik. Kalau kita (sentiasa) menerima hujan, insya-Allah semakin baiklah jerebu," katanya.

Ditanya sama ada strategi untuk mengatasi kejatuhan nilai mata wang negara dibincangkan dalam mesyuarat itu, Perdana Menteri menjelaskan ia hanya disentuh sepintas lalu saja.

Mengenai kemungkinan dijalankan kempen penerangan untuk menjelaskan masalah mata wang untuk ahli Umno, Dr Mahathir menegaskan ia tidak perlu dijalankan kerana penerangan lanjut akan dibuat dalam ucapan Belanjawan 1998 minggu depan.

Beliau juga menjelaskan ucapan Belanjawan tidak akan menyentuh strategi baru itu.

(END)